



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 46/2025

PERASMIAN KEM BELIA @ RAKAN PRIHATIN TAHUN 2025

3 JULAI 2025

1. **YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan** telah menyempurnakan Majlis Perasmian Kem Belia @ Rakan Prihatin Tahun 2025 yang berlangsung di Pantai Cahaya Bulan Resort, Kota Bharu, Kelantan hari ini.
2. **Kem Belia @ Rakan Prihatin 2025 akan dilaksanakan di 115 lokasi di seluruh negara dan menyasarkan** penyertaan seramai **5,750 orang belia berumur antara 13 hingga 16 tahun.**
3. Pelaksanaan Kem Belia merupakan salah satu inisiatif intervensi sosial anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) bagi **memperkasa potensi, identiti dan jati diri golongan belia, serta** mengurangkan keterlibatan mereka dalam gejala sosial.
4. Objektif pelaksanaan program antaranya seperti berikut:
 - Meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia berhubung matlamat hidup dan tanggungjawab terhadap diri, keluarga, agama, bangsa dan negara;
 - Meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia berhubung bahaya dan kesan permasalahan sosial belia;
 - Melahirkan belia yang berfikiran kritis, kreatif dan berjiwa besar serta berbakti kepada komuniti; dan
 - Memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan belia selaras matlamat pembangunan belia positif.
5. Inisiatif ini **dilaksanakan secara bersepadu dengan pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)** termasuk Polis Diraja

Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH), Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS-UPM), Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM), serta Bahagian Pembangunan Sukan dan Rakan Muda. **Hasil kerjasama strategik ini, sebuah modul khusus yang merangkumi 11 topik utama telah dibangunkan** bagi pelaksanaan Kem Belia @ Rakan Prihatin Tahun 2025.

6. Pembangunan modul ini bertujuan memastikan kandungan pelaksanaan kem lebih sistematik, inklusif dan seimbang merangkumi aktiviti dalam dan luar. Antara pengisian program termasuklah aktiviti kerohanian, latihan dalam kumpulan (LDK), slot kemahiran dan keusahawanan, perkongsian ilmu, kesedaran berkaitan kesihatan mental serta aktiviti kecergasan.
7. Kem ini turut mendukung fokus KBS tahun ini yang memberi penekanan kepada kesejahteraan belia dan pembangunan nilai sosial serta seiring dengan nilai Kesejahteraan dan Hormat di bawah kerangka Malaysia MADANI.
8. Pelaksanaan Kem Belia @ Rakan Prihatin Tahun 2025 mencerminkan **komitmen KBS dalam menjayakan aspirasi** Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM2030) dan Dasar Belia Malaysia (DBM) yang menekankan prinsip inklusiviti ke arah memperkasa belia Malaysia untuk menjadi aset negara yang proaktif.
9. Untuk sebarang pertanyaan lanjut berhubung **Program Kem Belia @ Rakan Prihatin**, JBSN boleh dihubungi di talian **03-8871 3294** atau melalui e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

